



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

HEBAHAN LARANGAN MELAKUKAN PEMBAKARAN TERBUKA TANPA KEBENARAN

KUCHING, 26 MAC 2026 – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sarawak menasihati agar orang awam di seluruh negeri Sarawak tidak melakukan pembakaran terbuka tanpa mendapat kebenaran dari pihak berwajib. Pesanan ini perlu diambil berat terutamanya ketika musim panas dan cuaca kering yang sedang dialami di Malaysia ini yang boleh menyebabkan peningkatan risiko jerebu dan kebakaran yang tidak terkawal. Pesanan larangan pembakaran terbuka ini juga dapat mencegah kemerosotan kualiti udara akibat dari berlakunya pencemaran udara yang teruk khususnya pada musim kering ini.

Pembakaran terbuka termasuklah pembakaran apa-apa sisa pertanian, semak samun atau belukar, pembakaran apa-apa jenis buangan seperti sampah domestik atau buangan binaan, pembakaran di tapak pelupusan atau kawasan tanah gambut, dan pembakaran secara terkawal tanpa kelulusan bertulis daripada pihak berkuasa. Pencemaran dari pembakaran terbuka akan memberi kesan kepada kesihatan awam iaitu menyebabkan asma, batuk dan bronkitis akibat zarah halus (PM2.5) dalam asap, masalah pernafasan dan jantung terutama bagi bayi, warga emas dan mereka yang menghidap penyakit kronik, iritasi mata, tekak dan hidung serta mengurangkan kualiti hidup penduduk.

Manakala kesan kepada alam sekitar pula ialah pencemaran udara dan jerebu (Peningkatan Indeks Pencemaran Udara – IPU), kemerosotan kualiti tanah dan air akibat sisa pembakaran, kemusnahan flora dan fauna serta ekosistem hutan dan tanah gambut dan peningkatan pelepasan gas rumah hijau yang akan menyumbang kepada pemanasan global.

Sesiapa yang melakukan pembakaran terbuka tanpa kebenaran akan dikenakan denda dan hukuman di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pindaan 2024. Sebagai makluman, di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mana-mana orang yang melakukan kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit (RM 25,000) dan tidak melebihi satu juta ringgit (RM 1 Juta) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi lima ribu ringgit (RM 5,000) bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas diberikan notis untuk menghentikan aktiviti tersebut. Orang yang bersalah boleh juga dikenakan kompaun maksima tidak lebih 50% dari kadar denda maksima.

JAS menyeru orang ramai bersama-sama dalam menangani sebarang isu berhubung pencemaran dan menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

-TAMAT-

JABATAN ALAM SEKITAR

NEGERI SARAWAK

26 MAC 2026